

U B204 AAB
MAHATHIR - MCA

1984

ALOR SETAR, 29 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD .
MEMANDANG BERAT TERHADAP KRISIS MCA YANG BERLANJUTAN HAMPİR SETAHUN
DAN BERHARAP MASALAH ITU DAPAT DISELESAIKAN DENGAN SEGERA.

PERDANA MENTERI PERCAYA PENYATUAN SEMULA PUAK-PUAK YANG
BERKRISIS DALAM MCA ITU AKAN DAPAT MENGUKUHKAN LAGI KESTABILAN YANG
MEMANG WUJUD DI KALANGAN UMNO DAN MIC - DUA LAGI PARTI DALAM BARISAN
NASIONAL SEKARANG.

+ KALAU DULU PARTI MIC MEMANG MENGHADAPI BANYAK MASALAH SEHINGGA
SAYA MENCADANGKAN AGAR KERUSI-KERUSI DIPAKUKAN KELANTAI KALAU
MESYUARAT PARTI ITU HENDAK DIADAKAN SUPAYA TIDAK BERLAKU PERISTIWA
MEMBALING KERUSI.

+ TETAPI, NAMPAKNYA ORANG LAIN PULA MENJANGKITI PENYAKIT ITU.
SAYAHARAP MASALAH SEPERTI INI TIDAK DIBIARKAN MEREBAKSANGAT DAN
DAPAT DISELESAIKAN DENGAN JAYANYA. +

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PERLETAKAN BATU ASAS BANGUNAN
MIC NEGERI KEDAH SETINGGI EMPAT TINGKAT YANG BERHARGA \$6001000 JELAS
MENUNJUKKAN KEBIMBANGANNYA TERHADAP KRISIS DI ANTARA PUAK PEMANGKU
PRESIDEN MCA DATUK DR. NEO YEE PAN DAN BEKAS NAIB PRESIDEN, ENCIK TAN
KOOON SWAN SEHINGGA MENYEBABKAN PERKELAHIAN ANTARA PARAPENYOKONG
PARTI ITU BARU-BARU INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL
MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN MIC, DATUK SAMY VELLU YANG
BERJAYA MENUKARKAN IMEJ PARTI ITU DARIPADA + PARTI YANG DIKENALI
BANYAK MASALAH + KEPADA PARTI YANG KUKUH.

KATANYA, MIC SUNGGUH KUKUH DAN KUAT SEHINGGA DAPAT BERGERAK
CERGAS DALAM BIDANG EKONOMI DAN BERJAYA MENUBUHKAN MAIKA HOLDINGS
YANG MEMPUNYAI MODAL \$19000 JUTA..

+ DENGAN ITU MIC DAPAT MEMPERKUATKAN EKONOMI KAUM KETURUNAN
INDIA DI NEGARA INI DAN MENARIK SEBILANGAN BESAR DARIPADA MEREKA
MENYOKONG BARISAN NASIONAL YANG KELAK BOLEH MENSTABILKAN NEGARA. +
-- BERNAMA